

SULIT

NO. KAD PENGENALAN/  
NO. SIJIL KELAHIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--



LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

## UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH 20XX

BAHASA MELAYU – PEMAHAMAN

011

### Bahagian B

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI  
SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Tulis nombor kad pengenalan atau nombor sijil kelahiran dan angka giliran kamu pada petak yang disediakan.*
2. *Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.*
3. *Serahkan Bahagian B ini bersama-sama borang jawapan objektif kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Untuk Kegunaan Pemeriksa	
Kod Pemeriksa:	
No. Soalan	Markah
21	
22	(a)
	(b)
	(c)
23	(a)
	(b)
	(c)
24	(a)
	(b)
	(c)
	(d)
25	(a)
	(b)
	(c)
	(d)
<b>Jumlah</b>	<b>30</b>

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 6 halaman tidak bercetak.

**BAHAGIAN B**

[30 markah]

**Soalan 21**

*Pilih perkataan yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam petikan yang diberi.*

dan	di	atau	untuk
yang	dalam	pada	kerana

Semua murid dikehendaki supaya melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum. Satu daripada aktiviti kokurikulum yang mesti disertai ialah sukan dan permainan. Terdapat pelbagai jenis sukan \_\_\_\_\_ boleh dipilih oleh murid. Antaranya, mereka boleh memilih sama ada hendak menyertai sukan hoki, bola sepak, bola jaring \_\_\_\_\_ badminton. Aktiviti kokurikulum penting \_\_\_\_\_ dapat membantu perkembangan mental, fizikal \_\_\_\_\_ sahsiah murid-murid.

[ 4 markah ]

**Soalan 22**

a. Tulis **ayat tanya** yang paling sesuai bagi jawapan yang diberi.

Ayat tanya:

---

---

Jawapan: Anak-anak ayam itu akan menjadi mangsa burung helang.

[ 2 markah ]

b. Tulis dialog yang sesuai bagi watak di bawah.



Sultan Mansor Syah

Datuk Panglima Awang


---

---

[ 2 markah ]

Lihat halaman sebelah  
**SULIT**

c. Soalan berikut berdasarkan gambar di bawah.



Nyatakan peribahasa yang sesuai berdasarkan gambar di atas.

[ 2 markah ]

### Soalan 23

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada zaman dahulu, Batu Pahat dikenali sebagai Pulau Kundur. Kedudukannya ialah kira-kira 15 kilometer dari tebing kuala Sungai Batu Pahat.

Nama Batu Pahat diambil sempena sebuah perigi batu yang dipahat oleh tentera Siam. Perigi batu itu dibuat ketika tentera Siam dalam perjalanan hendak menyerang Kerajaan Kesultanan Melayu Melaka pada tahun 1456. Perigi itu merupakan satu-satunya peninggalan sejarah yang masih wujud walaupun sudah berusia lima abad. Perigi itu terletak di kuala Sungai Batu Pahat, iaitu di Kampung Minyak Beku yang dahulunya dikenali sebagai Sungai Kundur.

Dato' Bentara Luar, iaitu Dato' Muhamad Salleh bin Perang memulakan usaha membangunkan bandar Batu Pahat pada tahun 1893. Dengan persetujuan Duli Yang Maha Mulia Almarhum Sultan Abu Bakar Daeng Ibrahim, bandar Batu Pahat dibuka secara rasmi pada 1 Januari 1894. Satu lagi majlis pengisytiharan diadakan bersempena dengan penamaan bandar Batu Pahat sebagai Bandar Pengaram pada 1 Disember 1984.

Dipetik dan diubah suai daripada laman sesawang [www.pdnj.johor dt.gov.my](http://www.pdnj.johor dt.gov.my)

a. Nama asal Batu Pahat ialah .....  
[1 markah]

b. Bagaimanakah Batu Pahat mendapat namanya?

---

---

[ 2 markah ]

c. Padankan pernyataan di bawah berdasarkan petikan. Satu daripadanya telah ditunjukkan sebagai contoh.

Batu Pahat merupakan sebuah bandar di negeri Johor

Dato' Muhamad Salleh bin Perang mengisytiharkan bandar Batu Pahat sebagai Bandar Pengaram

Usaha membangunkan Batu Pahat dimulakan pada tahun 1894.

Kerajaan Kesultanan Melaka telah diserang oleh tentera Siam pada tahun 1456

betul

Salah

[2 markah]

**Soalan 24**

*Baca petikan e-mel di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

Daripada: Asyikin binti Hassan  
Perkara : Pantang Larang  
Masyarakat Melayu

Kepada: Enjilin Edward  
Tarikh: 1 Mei 2015

Kepada sahabatku yang berada di Kota Kinabalu. Apa khabar? Semoga saudara sekeluarga sihat sejahtera. Bersama-sama ini saya sertakan maklumat tentang pantang larang *masyarakat* Melayu untuk dijadikan bahan buku skrap Bahasa Melayu seperti yang kehendaki oleh guru saudara.

Saudari,

Untuk pengetahuan saudara, generasi dahulu lebih suka menggunakan kiasan daripada berterus terang kerana mereka tidak mahu golongan muda dan anak-anak ini berkecil hati. Tujuannya adalah untuk mendidik mereka agar mengamalkan nilai-nilai murni dalam kehidupan. Perkara yang disebut bukan untuk dipercayai tetapi kita perlu memahami mesej yang tersembunyi di sebalik pantang larang yang telah diturunkan secara lisan oleh nenek moyang kita.

Antara pantang larang itu ialah kanak-kanak dilarang duduk di atas bantal kerana dipercayai boleh tumbuh bisul. Sebenarnya duduk di atas bantal merupakan suatu perbuatan yang tidak sopan kerana kita menggunakan bantal untuk meletakkan kepala sewaktu tidur.

Ibu turut melarang anak-anak menjahit pada waktu senja supaya mata tidak buta. Apabila si anak mendengar larangan itu, tentunya dia akan berhenti daripada menjahit. Pengajaran di sebalik larangan itu adalah untuk menjaga kesihatan mata supaya tidak menjadi kabur dan rosak atau jarum tercucuk tangan.

a. Perkataan *masyarakat* dalam petikan boleh juga digantikan dengan perkataan \_\_\_\_\_.

[1 markah]

b. Mengapakah orang-orang tua dahulu lebih suka menegur anak-anak muda dengan menggunakan bahasa kiasan?

---

---

[ 2 markah ]

c. Apakah pengajaran daripada larangan menjahit pada waktu senja?

---

---

[ 2 markah ]

d. Adakah anda percaya akan pantang larang tersebut? Mengapa?

---

---

---

[ 3 markah ]

## Soalan 25

Baca pantun di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pak Latif duduk berangan,  
Meluangkan masa di tepi kali;  
Sikap positif jadikan amalan,  
Berputus asa jangan sekali.

Sirih menjalar di pohon sena,  
Tumbuh redup bunga dahlia;  
Rajin belajar sangat berguna,  
Kelak hidup dipandang mulia.

Kereta baharu cantik berseri,  
Menjadi idaman golongan muda;  
Ajaran guru perlu dicari,  
Memberi tumpuan usahlah alpa.

Gadis jelita memakai kebaya,  
Cantik rupa selalu disapa;  
Kalau kita sudah berjaya,  
Ibu dan bapa usah dilupa.

Anak itik jalan sekawan,  
Anak angsa di atas batu;  
Berbaik-baik sesama rakan,  
Agar sentiasa saling membantu.

a. Apakah maksud rangkap pertama pantun di atas?

---

---

[2 markah]

b. Apakah yang harus kita lakukan setelah berjaya?

---

---

[1 markah]



- c. Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan (X) bagi pernyataan yang salah berdasarkan pantun tersebut.

Memberi tumpuan semasa berjaya	
--------------------------------	--

Menjalin hubungan baik dengan rakan	
-------------------------------------	--

[1 markah]

Rajin belajar sangat berguna,  
Kelak hidup dipandang mulia.

- d. Terangkan maksud baris-baris pantun di atas.

---

---

---

[ 3 markah ]

**KERTAS SOALAN TAMAT**